

Cabaran pengurusan warisan bina bandar di bandaraya Kota Kinabalu (1881-2012)

ABSTRACT

Bina bandar merupakan sebahagian daripada warisan budaya yang amat bernilai kepada tamadun masyarakat manusia dan negara amnya. Peranannya dilihat sebagai kekuatan komitmen yang menyatukan hasrat sesuatu masyarakat untuk mengekalkan dan memelihara warisan yang menjadi bukti kepada perkembangan tamadun mereka. Lantaran itu, pengurusan warisan bina bandar perlulah dilaksanakan secara baik supaya melindungi kelangsungan tapak. Namun dasar pembangunan di Malaysia telah dilaksanakan untuk mengejar status negara maju menjelang tahun 2020 acap kali mengabaikan faktor kelangsungan tapak warisan bina di kawasan bandar. Perbincangan ini akan memerihalkan kronologi pembandaran dan cabaran pengurusan warisan bina bandar di Kota Kinabalu, dan juga memberikan rekomendasi pengurusan yang lebih berkesan pada masa hadapan..